

BAB LIMA

PENUTUP

5.1 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada hasil kajian yang telah dilakukan, beberapa kesimpulan telah dapat dirumuskan dan dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut:-

5.1.1 Realiti Masyarakat Islam Di Selatan Thailand

Hasil kajian mendapati masyarakat Islam di Selatan Thailand merupakan masyarakat majoriti. Mereka menggunakan bahasa Melayu dialek Patani sebagai bahasa pertuturan sehari-hari. Mereka mempunyai kedudukan dan latar belakang sejarah, bahasa, bangsa, agama dan budaya yang tersendiri, berbeza dengan wilayah-wilayah lain di Thailand. Semenjak Selatan Thailand berada di bawah pentadbiran kerajaan Thailand keadaannya sentiasa bergolak sehingga kini.

Kajian ini juga mendapati sebelum agama Islam bertapak sebagai agama anutan di negeri Patani, kepercayaan dinamisme, animisme dan agama Hindu-Buddha telah dianut oleh raja dan rakyat. Adalah dipercayai kedatangan Islam ke negeri Patani bermula melalui pedagang-pedagang Muslim yang datang berdagang dengan negeri Patani sama ada dari negara Arab, India, Parsi, China dan Jawa. Apabila raja menganut agama Islam maka rakyat jelata yang belum menganut agama Islam pun turut menganut agama Islam dan syariat Islam mula berkembang dan diamalkan sedikit demi sedikit sehingga kini. Kedatangan Islam ke negeri Patani lebih awal dari negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu.

Beberapa perkembangan penting lain yang didapati oleh pengkaji dalam kajian ini adalah:

Dari aspek agama, tidak boleh dinafikan bahawa sebahagian kecil kesan agama Hindu-Buddha, amalan khurafat, syirik dan bidaah masih wujud dalam masyarakat Islam di Selatan Thailand sehingga kini. Di samping itu juga, masih ramai umat Islam di Selatan

Thailand belum mengetahui ilmu agama dan belum memahami agama Islam secara syumul iaitu agama Islam sebagai suatu cara hidup yang merangkumi semua aspek hidup sama ada politik, ekonomi, cara bermasyarakat dan sebagainya. Kefahaman mereka terbatas, mereka hanya memahami Islam sekadar mempercayai rukun Iman yang enam perkara dan melaksanakan rukun Islam yang lima perkara sahaja. Walau bagaimanapun, secara umumnya amalan penghayatan Islam masyarakat Islam di Selatan Thailand masih kuat bahkan lebih baik daripada 20 tahun dahulu kerana penekanan kefahaman melalui sumber asal iaitu al-Quran dan sunah dengan memberi tafsiran dan ulasan yang diambil perhatian serius oleh pendakwah-pendakwah sekarang. Manakala kegiatan dakwah pada masa kini, sesetengah kegiatan dakwah yang pernah di anjurkan oleh masyarakat Islam terhenti kerana situasi yang tidak aman dan selamat. Walau bagaimanapun, secara umumnya kegiatan dakwah kepada masyarakat bertambah meningkat berbanding 10 tahun dahulu kerana pelbagai pendekatan alternatif baru yang berbentuk media massa turut digunakan pada masa era globalisasi ini sama ada TV, radio, VCD, CD dan internet mengikut kemampuan yang sedia ada.

Dalam aspek bahasa, tidak boleh dinafikan bahasa Melayu dialek Patani pada masa kini sedang mengalami kepupusan kerana banyak perkataan Thai telah dimasukkan ke dalam bahasa Melayu sehingga menjadi bahasa rojak dalam pertuturan. Terdapat ramai generasi muda berasa kekok dalam berbahasa Melayu dan ada juga yang langsung tidak pandai bertutur dalam bahasa Melayu dialek Patani namun mereka memahaminya. Walau bagaimanapun, kerajaan Thailand kini telah mengambil perhatian terhadap perkembangan bahasa Melayu walaupun hakikatnya ia tidak mencukupi untuk mempengaruhi generasi muda kerana pengaruh bahasa Thai sangat kuat.

Manakala dalam aspek pendidikan, perkembangan pendidikan Islam dalam masyarakat Islam di Selatan Thailand semakin meningkat dan masyarakat mempunyai peluang yang sangat besar dalam menuntut ilmu agama yang dituntut oleh Allah SWT berbanding zaman dahulu. Pada zaman dahulu hanya masjid dan pondok sahaja yang

memainkan peranan penting dalam menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat. Namun, pada masa kini terdapat pelbagai institusi yang menawarkan pendidikan Islam kepada masyarakat, antaranya ialah masjid, pondok, tadika, sekolah agama swasta, sekolah kebangsaan dan universiti. Boleh dikatakan masyarakat Islam di Selatan Thailand berpeluang mempelajari ilmu agama semenjak kanak-kanak lagi sehingga dewasa. Di samping itu, masyarakat Islam boleh membuat pilihan untuk mempelajari ilmu agama sahaja atau mempelajari ilmu agama dan ilmu akademik secara integrasi.

Dari aspek ekonomi pula, hasil pendapatan asas bagi masyarakat Islam di Selatan Thailand adalah bergantung kepada sektor pertanian. Kedudukan ekonomi masyarakat Islam di Selatan Thailand secara umumnya masih rendah berbanding wilayah-wilayah lain di Selatan Thailand. Bagi anggota masyarakat yang tidak mempunyai pekerjaan, mereka terpaksa mencari pekerjaan di Bangkok atau wilayah-wilayah lain atau bekerja di luar negara seperti Malaysia dan Arab Saudi. Manakala dari aspek perniagaan pula, terdapat banyak perniagaan yang dimiliki oleh masyarakat Islam sehingga boleh dikatakan semakin meningkat berbanding dahulu. Selain itu, terdapat ramai masyarakat Islam yang berpendidikan semakin mendapat tempat dalam sektor kerajaan di kawasan tempatan seperti menjadi guru, kerani dan lain-lain. Tambahan bagi, ekonomi umat Islam dilihat sedang berkembang pesat melalui koperasi-koperasi Islam, bank Islam dan bank swasta yang menawarkan kewangan Islam. Kewujudan institusi kewangan Islam tersebut, dapat membantu masyarakat Islam dari sudut kewangan bagi menjalankan aktiviti ekonomi yang bertepatan dengan kehendak syariat Islam.

Manakala dalam aspek institusi dakwah pula, Majlis Agama Islam Wilayah di Selatan Thailand merupakan salah satu institusi dakwah yang mempunyai peranan penting sebagai peneraju utama dalam membimbing, membina, menjadi tempat perkhidmatan menerangkan maklumat dan menyelesaikan masalah kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand yang berkaitan dengan hal ehwal agama.

5.1.2 Ismail Lutfi Japakiya Dan Pendekatan Dakwahnya

Hasil kajian mendapati bahawa Ismail Lutfi adalah merupakan antara tokoh dakwah, pemimpin dan pemikir Islam yang sangat aktif, berperanan dan banyak memberi sumbangan dakwah, khususnya kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand dan masyarakat Islam umumnya sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga seorang yang mempunyai sifat-sifat yang terpuji seperti keikhlasan, kesabaran, kesungguhan, tawakal yang tinggi, komitmen, senyuman yang manis, berlapang dada, menggunakan masa yang berfaedah, visi yang jauh, amalan ibadat yang kuat dan sebagainya. Sumbangan dakwah yang sangat penting yang dilaksanakan oleh beliau adalah dengan menujuhkan UIY. UIY merupakan institusi pengajian tinggi swasta terawal yang menawarkan pengajian Islam dan pengajian-pengajian akademik yang diintegrasikan dengan pengajian Islam. Oleh yang demikian, tidak keterlaluan jika beliau dianggap sebagai seorang reformis dalam bidang pendidikan yang telah berjaya merubah sistem pendidikan Islam di negara Thailand ke arah yang lebih baik dan lebih tinggi. Di samping itu juga, boleh dikatakan dakwah beliau bukan dakwah sekadar idelogi dan retorik semata-mata bahkan dakwah beliau merupakan dakwah yang mengaplikasikan ideologi dan retorik menjadi kenyataan dalam kehidupan.

Usaha dakwah yang dilakukan oleh Ismail Lutfi adalah melibatkan penggunaan pelbagai pendekatan yang sesuai dengan keadaan sasaran untuk mencapai matlamatnya iaitu mengembalikan masyarakat Islam di Selatan Thailand kepada ajaran Islam yang syumul yang bersumberkan al-Quran dan sunah serta mengikut minhaj salaf soleh sebagai landasan hidup seharian. Pendekatan dakwah yang digunakan oleh beliau adalah dakwah mendekati pemimpin masyarakat, dakwah *bi al-hal*, dakwah secara lisan, dakwah melalui penulisan, dakwah melalui pendidikan, dakwah melalui media elektronik. Daripada pendekatan dakwah tersebut, pendekatan pendidikan dilihat lebih dekat dan menyeluruh kepada seluruh lapisan masyarakat jika dibandingkan dengan pendekatan yang lain. Di samping itu juga, pendekatan pendidikan telah memberi faedah yang sangat besar kepada masyarakat Islam

di Selatan Thailand khususnya dan masyarakat Islam umumnya sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Hasil kajian juga mendapati secara umumnya Ismail Lutfi menggunakan pendekatan dakwah secara jemaah dan *fardiyah*. Di samping itu juga, Ismail Lutfi merupakan seorang tokoh dakwah yang menggunakan pendekatan dakwah yang penuh berhikmah, bertoleransi, tepat dan bersesuaian dengan kehendak dan keperluan masyarakat Islam di Selatan Thailand dalam menyebarkan dakwahnya. Oleh sebab itulah, masyarakat Islam di Selatan Thailand dari pelbagai lapisan telah tertarik dan terpengaruh dengan beliau manakala kalimah Wahabi yang dilabelkan kepada Ismail Lutfi semakin berkurang dan pudar. Justeru, pihak-pihak yang sering melabelkan beliau sebagai orang yang tidak menghormati para ulama tempatan, Wahabi, pemecah belah masyarakat dan sebagainya mungkin boleh menilai kembali dasar dan kegiatan dakwah beliau secara keseluruhannya.

5.1.3 Faktor Tarikan Dakwah Ismail Lutfi Japakiya

Hasil kajian yang berkaitan dengan faktor tarikan Ismail Lutfi dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Faktor Pada Personaliti

Hasil kajian mendapati purata min keseluruhan item pada personaliti ialah 1.257. Ini bermakna secara keseluruhannya responden tertarik dengan personaliti Ismail Lutfi. Faktor tarikan utama pada personaliti Ismail Lutfi mengikut kedudukan min dan 80 peratus ke atas pada skala sangat suka ialah ceramah, kelulusan akademik, akhlak umum, ilmu, kecerdikan dan suara.

Hasil kajian juga mendapati Ismail Lutfi merupakan seorang tokoh dakwah yang mempunyai daya tarikan yang tinggi kerana beliau mempunyai penampilan fizikal yang tampan, penampilan peribadi yang mulia, status yang tinggi dan berkarakter.

2. Faktor Pada Isi Penyampaian

Hasil kajian mendapati purata min keseluruhan item pada isi penyampaian ialah 1.302. Ini bermakna secara keseluruhannya responden telah tertarik dengan isi penyampaian Ismail Lutfi. Faktor tarikan yang utama pada isi penyampaian Ismail Lutfi mengikut kedudukan nilai min dan 80 peratus ke atas pada skala sangat suka ialah tafsir al-Quran sahaja. Hasil kajian juga mendapati unsur jelas, mudah, keperluan menjadi unsur daya tarikan dalam tafsir al-Quran yang disampaikan oleh Ismail Lutfi.

1. Faktor Pada Gaya Persembahan Mesej

Hasil kajian mendapati purata min keseluruhan item pada gaya persembahan mesej ialah 1.385. Ini bermakna secara keseluruhannya responden tertarik dengan gaya persembahan mesej Ismail Lutfi. Faktor tarikan utama pada gaya persembahan mesej Ismail Lutfi mengikut kedudukan nilai min dan 80 peratus ke atas pada skala sangat suka ialah menggalakkan berbuat baik dan mengingati nikmat Allah SWT.

5.2 SARANAN KAJIAN

Berdasarkan hasil kajian melalui disertasi ini, sebagaimana yang dipaparkan, pengkaji ingin memberikan beberapa saranan kepada pihak-pihak berkenaan untuk kebaikan bersama. Saranan-saranan itu adalah:

5.2.1 Saranan Kepada Pengkaji Yang Akan Datang

1. Kajian ini dilakukan ke atas seorang pendakwah yang masih hidup ialah Ismail Lutfi. Oleh itu, maklumat tentang aktiviti dan sumbangan dakwah beliau dalam kajian ini hanya terhad setakat tempoh masa kajian ini sahaja. Selain itu, kajian ini mendapati isi penyampaian tafsir al-Quran beliau dapat memikat hati sasaran dan karya tafsir al-Quran

menjadi fokus utama penulisan beliau. Oleh yang demikian, pengkaji menyarankan pengkaji yang akan datang mengkaji peranan dan sumbangannya dakwah Ismail Lutfi terhadap masyarakat Islam di Thailand atau sumbangannya Ismail Lutfi dalam pengajian tafsir. Di samping itu juga, pengkaji menyarankan pengkaji seterusnya menjalankan kajian seperti ini ke atas tokoh-tokoh dakwah yang lain untuk menambahkan lagi panduan dalam berdakwah.

2. Kajian ini juga menerangkan realiti masyarakat Islam di Selatan Thailand dalam beberapa aspek sahaja secara umum dan memfokuskan kepada masyarakat Islam. Sebagai seorang pendakwah yang ingin merubah masyarakat, sepatutnya mengetahui latar belakang atau situasi sesuatu masyarakat terlebih dahulu untuk mengaplikasikan pendekatan dakwah yang lebih sesuai dengan keadaan sasaran supaya sasaran tidak lari daripada seruan dan senang untuk mencapai matlamat dakwah. Oleh yang demikian, pengkaji menyarankan kepada pengkaji seterusnya supaya menyelidiki situasi masyarakat di Selatan Thailand atau Thailand sama ada masyarakat Islam atau bukan Islam secara khusus mencakupi semua aspek kehidupan supaya mudah untuk menarik perhatian dan mempengaruhinya.

5.2.2 Saranan Kepada Ismail Lutfi Japakiaya

1. Bersesuaian dengan era globalisasi perkembangan sains dan teknologi, pengkaji menyarankan kepada Ismail Lutfi agar menggunakan alat bantu mengajar seperti tayangan video yang berkaitan dengan pengajian, menggunakan *slide*, *OHP*, *power point* dan sebagainya supaya pengajian kuliah mingguan yang disampaikan oleh beliau dapat membantu pendengar untuk lebih mudah memahami pengajian yang diajarkan.

2. Tidak dapat dinafikan Mingguan Tazkirah yang telah dikeluarkan oleh Ismail Lutfi bersama panel-panel penulis yang lain pada setiap minggu dapat menjadi bahan bacaan dan membantu peserta memahami topik-topik yang disampaikan oleh Ismail Lutfi. Hasil kajian mendapati Mingguan Tazkirah yang mempunyai belasan halaman kadang-kadang terputus dan tidak dapat dikeluarkan pada setiap minggu atas beberapa sebab yang

tertentu. Oleh yang demikian, pengkaji menyarankan Ismail Lutfi menyediakan sendiri nota ringkas khas yang diajarkan oleh beliau untuk rujukan para pendengar walaupun satu halaman sahaja supaya lebih mudah difahami.

3. Bahasa Thai adalah bahasa rasmi di Thailand. Pengguna bahasa Thai lebih ramai berbanding dengan bahasa Melayu yang hanya digunakan di kawasan Selatan Thailand sahaja. Menguasai bahasa sasaran oleh pendakwah dengan fasih akan lebih mudah untuk menarik perhatian sasaran. Di samping itu juga, dakwah yang disampaikan oleh pendakwah lebih tersebar luas kerana sasaran tidak akan berasa curiga. Melalui pemerhatian pengkaji, bahasa Thai yang digunakan dalam pengucapan Ismail Lutfi adalah masih kekurangan atau kurang fasih. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan kepada Ismail Lutfi agar lebih mementingkan penggunaan bahasa Thai dan mempertingkatkan komunikasi dalam bahasa tersebut dengan lebih banyak lagi.

5.2.3 Saranan Kepada Pendakwah

1. Dakwah Islamiah merupakan suatu tanggungjawab yang sangat penting khususnya kepada pendakwah untuk mengembalikan dan membimbing manusia ke jalan Allah SWT serta membangunkan masyarakat yang sejahtera. Namun, dakwah perlu dilaksanakan dengan berhati-hati mengikut pendekatan dakwah yang sesuai dengan keadaan masyarakat supaya dakwah yang dilakukan lebih mudah, dapat menarik perhatian dan mempengaruhi sasaran serta memberi kesan yang baik. Oleh yang demikian, setiap pendakwah atau organisasi dakwah diharapkan dapat menggunakan pendekatan-pendekatan yang berkesan dan bersistematik. Maka, para pendakwah khususnya para pendakwah yang masih baru perlu mempelajari dan mengkaji ilmu tentang metodologi dakwah terlebih dahulu sebelum menyampaikan dakwah kepada sasaran.

2. Tarikan dakwah merupakan salah satu pendekatan dakwah yang perlu diambil perhatian oleh pendakwah atau organisasi dakwah dalam menjalankan dakwah. Ini kerana tarikan dakwah bersesuaian dengan tujuan dakwah itu sendiri yang berusaha menarik

perhatian sasaran supaya mereka mendengar dan menerima mesej yang disampaikan. Oleh yang demikian, pengkaji menyarankan para pendakwah mempertingkatkan daya tarikan sama ada dari aspek personaliti, mesej dan gaya persembahan mesej. Maka, sewajarnya pendakwah perlu menghadiri kursus-kursus, latihan-latihan dan sebagainya yang berkaitan dengan daya tarikan dakwah.

3. Menguasai ilmu terutamanya ilmu agama dengan mendalam dan meluas merupakan antara salah satu faktor yang dapat menarik perhatian sasaran. Pendakwah disarankan agar menguasai ilmu agama berdasarkan sumber al-Quran dan sunah serta penghuraian daripada ulama yang muktabar. Di samping itu juga, pendakwah hendaklah menambah ilmu pengetahuan yang lain supaya dapat membantu pendakwah dalam melaksanakan dakwah dengan lebih lancar dan menarik seperti ilmu psikologi, ilmu komunikasi, ilmu teknologi dan lain-lain.

4. Dunia hari ini banyak menggunakan kemudahan internet dalam perhubungan di antara satu sama lain. Internet juga mempunyai peranan yang penting dan merupakan salah satu alternatif baru dalam menyampaikan maklumat-maklumat kepada manusia pada masa kini. Oleh yang demikian, pengkaji menyarankan kepada pendakwah supaya mengambil peluang daripada kemudahan internet sebagai medium dalam penyebaran dakwah dengan membina laman web persendirian atau blog mahupun *facebook*. Sehubungan itu, pendakwah yang kurang mahir atau tidak ada pengetahuan asas perlu menghadiri kursus-kursus, program-program dan sebagainya dalam mempelajari ilmu berkenaan supaya dakwah yang hendak disampaikan lebih menarik dan memberi kesan yang baik.

5. Memahami budaya, pemikiran dan menguasai bahasa-bahasa ibunda sasaran merupakan aset berharga bagi menarik perhatian sasaran. Oleh yang demikian, pengkaji menyarankan kepada pendakwah agar memahami pantang larang budaya, pemikiran dan menguasai bahasa mereka supaya hubungan pendakwah lebih mesra dan tidak kekok serta memudahkan komunikasi dua hala antara pendakwah dan sasaran.

5.2.4 Saranan Kepada Masyarakat Umum

1. Kerja dakwah adalah tanggungjawab semua masyarakat dan tugas ini tidak boleh dilepaskan kepada pihak-pihak tertentu sahaja. Bahkan tugas ini sepatutnya dilakukan oleh semua peringkat masyarakat sama ada besar atau kecil, muda atau tua. Semuanya mempunyai tanggungjawab tersendiri mengikut kemampuan dan kesesuaian diri masing-masing. Oleh yang demikian, pengkaji menyarankan setiap lapisan anggota masyarakat hendaklah bekerjasama dalam menjayakan kerja dakwah. Sekiranya setiap lapisan anggota masyarakat tidak mampu untuk berdakwah, maka mereka bolehlah memberikan bantuan sama ada dalam bentuk sokongan moral, tenaga, buah fikiran, dana dan sebagainya yang sesuai.
2. Selain daripada ilmu fiqh, tauhid, akhlak dan sebagainya, ilmu dakwah juga sangat penting untuk didedahkan kepada masyarakat kerana dakwah merupakan kewajipan kepada setiap individu Muslim agar mereka dapat menjalankan dakwah dengan penuh berhati-hati dan penuh berhikmah supaya sasaran tidak lari dan tidak menimbulkan keburukan kepada agama Islam. Oleh yang demikian, pengkaji menyarankan para tuan guru dan ustaz mendedahkan tajuk-tajuk yang berkaitan isu dakwah dalam pengajaran kepada masyarakat.
3. Masyarakat perlulah berfikir terbuka dan menerima setiap kelemahan dan keburukan yang terdapat pada diri pendakwah kerana pendakwah juga merupakan manusia biasa dan tidak maksum. Hakikatnya, masyarakat mestilah menerima realiti bahawa setiap pendakwah mempunyai kelebihan dan kekurangan. Saranan pengkaji, sekiranya terdapat perkara yang kurang elok dilihat, masyarakat hendaklah menegur dengan cara yang baik dan bukannya dengan cara menghina dan memburuk-burukkan lagi keadaan. Sebaliknya, sekiranya terdapat perkara yang baik, masyarakat hendaklah bekerjasama dan membantu kegiatan dakwah mereka.

4. Suatu perkara yang sedang melanda masyarakat Islam di Selatan Thailand sehingga menjadi masalah yang kritikal ialah generasi muda terpengaruh dengan bahasa dan budaya Thai. Ramai generasi muda sudah tidak menguasai bahasa Melayu dialek Patani dengan baik bahkan mereka menguasai bahasa Thai lebih baik daripada bahasa ibunda sendiri. Apa yang lebih menyedihkan adalah terdapat sebilangan generasi muda sudah tidak boleh bertutur dengan bahasa ibunda langsung.

Pengkaji mencadangkan, pemimpin-pemimpin masyarakat Islam di Selatan Thailand seharusnya bekerjasama dalam menjaga bahasa Melayu dialek Patani dan budaya Melayu Patani dengan menubuhkan persatuan bahasa dan budaya Melayu di setiap wilayah. Ini bertujuan supaya persatuan ini dapat memantau perkembangan bahasa Melayu di kalangan penduduk masyarakat Islam dan menjaga budaya Melayu serta dapat mempertingkatkan lagi bahasa Melayu supaya tidak hilang. Di samping itu, program-program atau kursus-kursus tentang bahasa Melayu hendaklah diadakan dengan lebih serius supaya mencantikkan lagi bahasa Melayu dan mengembangkan budaya Melayu kepada generasi muda khususnya, dan penduduk orang Melayu umumnya di Selatan Thailand. Apa yang lebih penting ialah setiap keluarga haruslah menggalakkan anak-anak supaya bertutur dalam bahasa Melayu semasa berada di rumah dan menjaga adat budaya Melayu yang tidak bercanggah dengan Islam kerana keluarga memainkan peranan penting dalam menjaga bahasa dan budaya mereka.